GANGGUAN DALAM SESI BERCERITA KANAK-KANAK ASPERGER

Dr Normaliza Abd Rahim
Felo Penyelidik
University of Leicester, United Kingdom
drnormaliza@gmail.com
normaliza@fbmk.upm.edu.my

Abstrak

Sindrom Asperger adalah salah satu gejala autisme di mana individu yang mempunyai sindrom ini memiliki kesulitan dalam berkomunikasi dengan orang di sekelilingnya dan biasanya tidak diterima oleh masyarakat sekeliling. Kajian ini melibatkan 10 kanak-kanak sindrom Asperger berumur di antara 7 hingga 9 tahun di sebuah sekolah di Nottingham, United Kingdom. Kanak-kanak ini ditempatkan di satu keals dan diasingkan dari kanak-kanak normal supaya mereka dapat belajar dengan selesa. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis gangguan semasa sesi bercerita dalam kalangan kanak-kanak Asperger. Dapatan kajian dapati bahawa terdapat tiga jenis gangguan iaitu gangguan persekitaran, peristiwa dan cerita. Adalah diharapkan kajian ini diharapkan dapat membantu guru, ibu bapa dan masyarakat dalam memahami kanak-kanak sindrom Aspeger yang kerap mengalami gangguan dalam proses pembelajaran.
Kata kunci: Sindrom Asperger, persekitaran, peristiwa, cerita

Abstract

Asperger syndrome is one of the autism symptoms where the individual who have this syndrome has problems in communicating with people around them and usually their existence have been negatively understood by the community. This study involved 10 children with Asperger syndrome ages between 7 to 9 years in a school in Nottingham, United Kingdom. The children were in a classroom and kept apart from the rest of the normal child so that they can learn comfortably. The objectives of the study were to identify and analyse the interruption during story session among Asperger's children. The findings were three types of interruptions, namely surrounding, event and old story interruptions. It is hoped that this study will be able to help the teachers, parents and society in order to understand the Aspeger syndrome children which often experience interruptions in the learning process process.
***Keyword**: Asperger syndrome, environment, event, story*

Pengenalan

Autisme adalah gangguan perkembangan otak yang dicirikan dengan masalah hubungan sosial, komunikasi, emosi, kurang kebolehan imaginasi dan bermain serta menunjukkan tingkah laku terhad dan berulang; biasanya berkaitan minat, aktiviti dan perangai. Autisme merujuk kepada gangguan perkembangan pervasif (*pervasif developmental disorder*). Gangguan ini berkisar pada tiga perkara utama iaitu gangguan interaksi sosial, komunikasi dan tingkah laku berulangan yang stereotiap dan terhad (American Psychiatric Association, 1994). Trevarthen et al. (1998) menyatakan hampir kesemua kes autisme menghadapi gangguan interaksi sosial, masalah kemahiran berkomunikasi dan aspek imaginasi. Namun begitu, menurut Wing (1976) tahap gangguan ini tidak sama di antara satu individu autisme berbanding yang lain. Jordan (1997) menyatakan kanak-kanak autisme kategori kritikal menghadapi masalah yang serius berbanding dengan kanak-kanak autisme kategori ringan dan berfungsi tinggi.

Sindrom Asperger adalah salah satu gejala autisme di mana individu yang mempunyai sindrom ini memiliki kesulitan dalam berkomunikasi dengan orang di

sekelilingnya dan biasanya tidak diterima oleh masyarakat sekeliling. Sindrom Asperger berbeza dengan gejala autisme yang lain dari segi kemampuan linguistik dan kognitif dan ada di antara individu ini mempunyai tahap kecerdikan yang tinggi seperti mahir dalam komputer, lukisan atau apa sahaja yang berbentuk praktikal. Kadangkala kanak-kanank ini kelihatan tersenyum sendirian, pendengaran yang tidak jelas, sebutan perkataan yang tidak jelas, corak perlakuan yang berulang, tidak mengendahkan rasa sakit dan juga sentiasa mengelak dari bertentang mata (Williams, 1996). Ibu bapa yang sedar akan sindrom ini dan masih mengharapkan satu perkara yang ajaib yang dapat membaik pulihkan anak mereka akan cuba sedaya mungkin untuk memastikan anak-anak mereka mendapat pendidikan yang secukupnya bagi bekalan untuk mereka berhadapan dengan dunia luar. Ibu bapa yang mempunyai kesedaran ini amatlah dibanggakan kerana mereka akan menghantar anak mereka ke sekolah yang khas dan bagi membolehkan anak-anak mereka belajar dalam suasana pembelajaran yang sesuai. Kanak-kanak ini sebenarnya boleh menerima pembelajaran jika diberi peluang (Normaliza Abd Rahim et.al., 2008).

Kanak-kanak sindrom Asperger bukan pembawa masalah, sebaliknya memberi peluang kepada ibu bapa, keluarga dan guru untuk berfikir lebih kreatif mengenai cara hendak mendekati, menjaga, mendidik dan berinteraksi dengan kanak-kanak ini. Ini kerana jika diberi pendidikan yang teliti dan sesuai, mereka boleh berdikari mengikut tahap keupayaan masing-masing. Zelan (2004) memberi pendapat bahawa individu sindrom Asperger adalah berbeza dan pendekatan humanistik amatlah diperlukan memandang mereka adalah individu yang kuat dan unik. Leo Kanner (1943) merupakan penyelidik pertama yang membuat kajian mengenai sindrom Asperger di Amerika. Kanner menjalan penyelidikan dengan pengamatannya terhadap 11 anak sindrom Asperger. Kanner mendapati beberapa ciri utama iaitu *extreme autisme aloneness,* keinginan yang obsesif untuk mempertahankan kesamaan, kemampuan menghafal yang luar biasa, dan terbatasnya jenis aktiviti yang dilakukan secara spontan (Paradiz, 2002). Pada tahun 1944 pula, Hans Asperger telah menjalankan kajian yang bertajuk '*autisme psychopathy*' dan diterbitkan di Wina. Penyelidikan Hans Asperger adalah terhadap empat kanak-kanak yang menunjukkan kesulitan dalam interaksi sosial dan hanya memperlihatkan ekspresi wajah yang terbatas. Menurut Paradiz (2002) pernyatan ini sama dengan apa yang telah dikemukakan oleh Kanner dan keduanya juga menggunakan istilah *autisme* dan sindrom Asperger sebagai salah satu sindrom untuk menekankan pada masalah utama anak-anak tersebut, iaitu kecenderungan menarik diri dari lingkungan sosial, kesulitan dalam reaksi afektif, minat yang sempit, dan keterbatasan penggunaan bahasa secara sosial.

Kanak-kanak Asperger tidak suka disentuh oleh orang yang mereka tidak kenali. Walaupun mereka boleh disentuh tetapi sikap berhati-hati mereka membuatkan mereka berasa tidak selesa jika orang lain menyentuh mereka. Oleh itu ibu bapa serta guru sekolah dan orang yang mereka percaya sahaja akan dapat berinterkasi dan bersentuhan dalam keadaan yang selesa. William (1994) menyatakan pelukan dan sentuhan dari ibu bapa terhadap kanak-kanak ini akan

memberikan keyakinan yang tinggi di dalam diri kanak-kanak ini. Kanak-kanak Asperger berasa apabila mereka diberi pelukan atau sentuhan, mereka akan berasa disayangi dan diperlukan di dalam setiap situasi. Masa yang diperlukan untuk aktiviti kanak-kanak ini haruslah lebih dari kanak-kanak normal dan rangka pelajaran juga berlainan dan lebih terperinci. Kanak-kanak Asperger ini samada terlalu pendiam ataupun yang suka berjalan-jalan tidak mahu untuk mengambil bahagian di dalam apa jua aktiviti yang disarankan kepada mereka. Williams (2004) menambah dengan menyatakan bahawa kanak-kanak Asperger memerlukan motivasi yang tinggi setiap hari dan aktiviti-aktiviti haruslah berulang supaya mereka dapat memahaminya dengan lebih jelas.

Hasnah Toran et al., (2010) di dalam kertas kerja bertajuk Tahap Latihan, Pengetahuan dan Keyakinan Guru-guru Pendidikan Khas tentang Autisme di mana kajian mereka mempunyai objektif tertumpu kepada persedian guru-guru pendidikan khas. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap latihan, pengetahuan dan keyakinan guru pendidikan khas tentang autisme. Mereka dapati bahawa kursus perguruan kini didapati kurang berkesan dalam melatih guru pendidikan khas untuk memahami dan mendidik kanak-kanak yang mengalami autisme (Hasnah Toran et. Al., 2010). Oleh kerana latihan yang tidak mencukupi justeru guru tidak mempunyai tahap keyakinan yang tinggi dalam mendidik kanak-kanak ini. Dapatan kajian Hasnah Toran et al., (2010) mendapati bahawa kursus perguruan formal di negara ini harus dipertingkatkan dengan menambah komponen mengenai autisme. Mereka juga menyarankan supaya guru-guru pendidikan khas juga perlu diberi akses kepada latihan dalam perkhidmatan mengenai autisme. Kajian yang telah dijalankan oleh Normaliza Abd Rahim (2010) mengenai nilai sosial dalam kalangan kanak-kanak sindrom Asperger yang melibatkan empat pelajar yang diperdengarkan dengan tiga cerita sosial di mana pelajar tersebut dapat diterapkan nilai sosial setelah didedahkan dengan cerita sosial berulang kali. Pelajar juga selesa dengan nilai sosial yang diterapkan kerana di akhir penyelidikan, pelajar-pelajar tersebut didapati menggunakan kesemua nilai sosial tersebut di sekolah dan di rumah. Vijayan Gopal (2003) di dalam kajiannya mengenai kemahiran asas kanak-kanak autistic di persekitaran sekolah. Kajian ini mendapati faktor guru, persekitaran, rakan sebaya dan kaedah mengajar membolehkan penguasaan kemahiran-kemahiran asas sosial. Sebaliknya menurut Vijayan Gopal (2003) faktor kekurangan pendedahan mengenai autisme dan kaedah mengajar yang khusus, pertukaran guru dan kekurangan pengetahuan ibu bapa mengenai autisme menghalang penguasaan kemahiran asas sosial.

Salah satu teori yang berkaitan dengan sindrom Asperger ini adalah Theory of Mind (ToM) yang diperkenalkan oleh Simon Baron-Cohen, Alan Leslie, dan Uta Frith (Frith, 2003, Normaliza Abd Rahim, 2010). Teori ini merupakan salah satu teori psikologi yang terkenal sehingga kini. Menurut Frith (2003) teori ToM ini adalah berdasarkan pengamatan terhadap anak-anak sindrom Asperger di mana mereka menetapkan hipotesis bahawa tiga kelompok gangguan tingkah laku yang ketara dilihat adalah interaksi sosial, komunikasi, dan imaginasi adalah disebabkan oleh kelemahan manusia untuk membaca fikiran. Normaliza Abd Rahim (2010)

menyatakan bahawa kanak-kanak sindrom Asperger memerlukan masa yang lama untuk memahami perasaan orang lain justeru mereka tidak tahu akan tindakan selanjutnya berbanding dengan kanak-kanak normal yang faham semua perasaan ini sejak berumur 4 tahun lagi. Justeru, kajian ini menggunakan ToM sebagai panduan dan menganalisis perbualan dan perlakuan pelajar dan menganalisis dengan menggunakan analisis wacana.

Objektif

Kajian ini mempunyai dua objektif iaitu:

1. Mengenal pasti gangguan semasa sesi bercerita dalam kalangan kanak-kanak asperger
2. Menganalisis gangguan semasa sesi bercerita dalam kalangan kanak-kanak asperger

Metodologi

Kajian ini melibatkan 10 orang kanak-kanak yang terdiri daripada kanak-kanak sindrom Asperger yang berumur 7 hingga 9 tahun di sebuah sekolah rendah di Nottingham, United Kingdom. Kanak-kanak yang mempunyai asperger ini sangat hiper dan akan bergerak setiap masa. Kanak-kanak ini juga tidak boleh menumpukan perhatian yang lama pada setiap aktiviti. Kanak-kanak yang mempunyai sindrom asperger ini ditempatkan di dalam satu kelas di mana guru bercerita dengan menggunakan buku cerita yang bersaiz besar. Semasa bercerita, kanak-kanak ini dibenarkan bertanya pelbagai soalan mengenai cerita tersebut. Kajian ini dijalankan selama dua jam setiap hari selama tiga bulan. Aktiviti pelajar ini dirakam dan perbualan yang berkaitan dengan kajian ini diambil bagi tujuan analisis.

Dapatan Kajian

Aktiviti pelajar dianalisa mengikut respon dari pelajar. 10 pelajar yang terlibat dilabel sebagai S1 hingga S10 bagi tujuan analisis. Rakaman pelajar dipilih mengikut kesesuaian kajian ini.

Gangguan Persekitaran

Pelajar didapati mempunyai banyak gangguan persekitaran semasa proses bercerita. Gangguan persekitaran berbentuk soalan semasa guru bercerita seperti, ‘S1: Kenapa budak itu berlari?’, ‘S4: Angin sangat kuat di luarkah?’, ‘S6: Buku itu besar tak?.’, ‘S8: Boleh saya berdiri?’ dan ‘S10: Apa menu hari ini?’. Kesemua soalan tersebut kedengaran apabila guru sedang bercerita mengenai kisah seekor beruang. Pelajar tidak dapat menumpukan perhatian terhadap cerita tersebut memandangkan kebetulan pada masa itu tiada gambar di dalam buku cerita itu lalu pelajar tidak menumpukan perhatian sepenuhnya. Soalan-soalan yang dikemukan di atas adalah

merujuk kepada apa yang ada di sekeliling mereka. Gangguan persekitaran juga berlaku apabila seorang guru lain masuk kerana guru itu ingin mengambil sebuah buku di rak buku. Gangguan perbualan seperti, 'S2: Cikgu itu cantik!', 'S5: Cikgu ingin mendengar cerita ini?', 'S7: Cikgu duduk sini sekejap!', 'S8: Boleh cikgu itu duduk sini?' dan 'S9: Cikgu, cerita ini sangat menarik!'. Gangguan di atas menunjukkan subjek menumpukan lebih perhatian terhadap guru yang masuk ke kelas mereka. Subjek di dapati memandang ke arah guru tersebut sambil melambai-lambai. Guru tersebut pula telah melambai semula sambil memberi isyarat jari menutup bibir tanda senyap. Gangguan ini tidak berlarutan lama kerana guru tersebut telah beredar dengan segera dan mereka cuba menumpukan perhatian terhadap cerita itu semula. Gangguan bersama rakan sekelas juga berlaku seperti, 'S1: Jangan usik saya!', 'S2: Awak pandang sana!', 'S4: Saya ada buku itu!', 'S6: Saya tak mahu duduk sini!', 'S7: Awak cantik hari ini!', 'S8: Awak duduk sana!', dan 'S10: Ini tempat saya!. Gangguan di atas menunjukkan subjek tidak dapat menumpukan perhatian terhadap cerita itu memandangkan mereka tidak puas hati dengan kedudukan mereka serta rakan di sebelah mereka. Mereka duduk bersila berhadapan dengan guru dan gangguan ini terpaksa diselesaikan oleh guru dengan segera. Mereka kelihatan tidak selesa dengan rakan yang berada di sebelah dan ingin menukar tempat duduk. Guru telah mengubahkan kedudukan mereka dan subjek dapat menumpukan perhatian semula setelah mereka selesa dengan kedudukan baharu. Gangguan persekitaran ini sentiasa berlaku memandangkan pelajar ini tidak mempunyai perhatian yang lama untuk sesuatu aktiviti. Kreativiti serta tumpuan guru terhadap mereka amatlah penting pada masa ini justeru keselesaan pelajar diambil kira.

Gangguan Peristiwa

Gangguan peristiwa dikaitkan dengan perkara yang mereka telah mengalami samada di rumah atau di sekolah. Peristiwa yang telah berlaku dikaitkan dengan cerita yang didengari oleh pelajar itu. Gangguan seperti, 'S2: Saya ada beruang seperti itu di rumah!', 'S3: Beruang itu sama warna dengan beruang saya di rumah', 'Saya pernah dengar cerita ini di rumah', 'S5: Beruang itu sangat kecil, beruang saya di rumah lagi besar!', 'S6: Beruang itu jahat. Beruang saya sangat baik!' dan 'S8: Tidurkan beruang itu seperti beruang saya di rumah!'. Gangguan di atas menunjukkan pelajar mengaitkan apa yang mereka ada di rumah dengan cerita yang diperdengarkan. Pelajar menumpukan perhatian terhadap cerita itu tetapi didapati terganggu apabila seorang pelajar mula memberi pendapat mengenai beruang yang diceritakan itu. Apabila seorang pelajar mula memberi pendapat, pelajar lain pun cuba memberi pendapat dan mengaitkan cerita beruang tersebut dengan apa yang mereka ada di rumah. Gangguan peristiwa berbentuk soalan juga kerap kedengaran seperti, 'S2: Kenapa beruang itu berwarna lain dari beruang saya di rumah?, 'S4: Kenapa beruang itu bermata kecil kerana beruang yang saya ada mempunyai mata yang besar?', 'S6: Kenapa budak perempuan itu pakai baju berwarna biru? Saya ada buku cerita ini tetapi budak perempuan itu memakai baju merah.', 'S7: Kenapa budak itu menangis? Adik saya suka menangis di rumah', S9: Kenapa budak itu berlari? Adik saya berlari semalam dan dia jatuh!' dan 'S10: Kenapa meja itu kecil? Meja saya lebih besar di rumah'. Gangguan persekitaran berbentuk soalan ini di dapati kerap terjadi di mana pelajar ini bertanya soalan

berkaitan dengan cerita dengan apa yang mereka tahu atau ada di rumah. Pelajar juga kelihatan begitu gembira apabila dapat memberi pendapat kepada guru. Walau bagaimana pun, gangguan tersebut dapat dikawal oleh guru kerana selepas soalan-soalan itu dijawab oleh guru, mereka kelihatan lebih tenang dan selesa serta menumpukan perhatian terhadap cerita tersebut. Gangguan peristiwa juga berlaku apabila pelajar cuba mengaitkan cerita yang diperdengarkan dengan apa yang berlaku di sekolah seperti, 'S1: Saya tahu cerita ini. Cikgu M telah pun bercerita.', 'S4: Dulu cikgu ada bercerita cerita ini.', 'S6: Saya berlakon cerita ini tahun lepas,', 'S8: Saya suka cerita ini kerana cikgu selalu bagi saya tengok buku itu.' dan ' S10: Saya pernah bawa buku cerita ini ke sekolah'. Gangguan persekitaran yang pernah berlaku di sekolah telah dapat dikaitkan oleh pelajar semasa cerita itu diperdengarkan. Pelajar didapati gembira apabila mereka tahu akan cerita tersebut dan pernah dengar akan cerita tersebut. Gangguan peristiwa di sekolah ini dapat memberi tumpuan yang lebih kepada pelajar memandangkan pelajar pelajar kelihatan selesa dan tersenyum apabila mereka diperdengarkan dengan cerita ini.

Gangguan Cerita

Gangguan cerita dikaitkan dengan cerita lain yang pelajar sudah tahu. Pelajar dapat memberi gambaran mengenai cerita lain yang mempunyai sedikit atau banyak kaitan dengan cerita yang sedang diperdengarkan. Gangguan cerita seperti, 'S3: Puteri itu sama cantik dengan puteri salju', 'S5: Putera itu ada dalam cerita yang itu', 'S6: Putera itu menaiki kuda sama dengan putera dalam cerita semalam', 'S7: Puteri itu ada pedang di pinggang. Putera dalam cerita yang itu pun ada pedang juga', dan 'S9: Puteri itu berambut emas. Puteri dalam cerita Putera Katak pun berambut emas juga'. Pelajar didapati bersemangat mendengar cerita tersebut kerana ada di antara mereka yang mengangkat tangan dan memberi pendapat mengenai kaitan cerita yang diperdengarkan dengan cerita yang mereka sudah tahu. Pelajar tersebut kelihatan tersenyum apabila mereka dapat mengingati cerita yang berkaitan. Gangguan yang disebut oleh pelajar didapati mengenai watak utama di dalam cerita itu seperti watak putera dan watak puteri. Gangguan sebegini dapat memberi impak yang besar di dalam pemahaman cerita baharu. Gangguan cerita berbentuk soalan juga didapati berlaku semasa cerita diperdengarkan. Gangguan cerita lama seperti, 'S1: Kenapa puteri itu berambut hitam? Bukankah rambut puteri itu emas seperti cerita dulu?', 'S3: Kenapa putera itu berlari? Bukankah putera itu sepatutnya menaiki kuda?', 'S4: Kenapa puteri itu menangis? Cerita yang saya pernah dengar itu, puteri itu tidak menangis', 'S6: Kenapa putera itu tidak berjumpa dengan puteri itu di awal cerita? Lainlah cerita ini' dan 'S7: Kenapa istana itu tidak cantik macam cerita sebelum ini?'. Gangguan cerita berbentuk soalan dapat menunjukkan yang pelajar dapat mengaitkan cerita dengan cerita yang baru mereka dengar. Mereka kelihatan menunjukkan perhatian yang lebih sambil melihat gambar dari buku di tangan guru. Mereka juga kelihatan tersenyum apabila soalan yang mereka kemukakan dijawab oleh guru. Mereka dapat kaitkan cerita yang mereka sudah tahu itu berlainan dengan cerita baharu. Gangguan cerita lama juga dapat dilihat apabila mereka diberi peluang untuk meneka apakah kesudahan cerita yang mereka dengar. Pelajar kelihatan bersemangat memberi pendapat dan kebanyakkan memberikan cerita yang mereka pernah dengar sebelum ini seperti, 'S2: Puteri itu akan berkahwin dengan puteri itu', 'S5: Raja akan membuat satu keramaian selama beberapa hari',

‘S7: Katak itu akan menjadi putera yang sangat kacak’, ‘S9: Puteri itu akan menjadi permaisuri yang sangat cantik’, ‘S10: Semua rakyat akan gembira kerana diberi hadiah oleh putera dan puteri itu’. Gangguan cerita di atas menunjukkan bahawa pelajar dapat mengaitkan cerita yang pernah mereka dengar dan membuat andaian mengenai apa yang terjadi di akhir cerita baharu. Pelajar didapati cuba memberi pendapat masing-masing dan pelajar lain kelihatan menganggukkan kepala tanda setuju. Ini jelas terbukti bahawa pelajar mempunyai pengetahuan yang sedia ada mengenai cerita tersebut. Walaupun gangguan ini kerap berlaku tetapi guru masih memberi peluang kepada pelajar untuk memberi pendapat masing-masing walaupun ada pendapat yang tiada kaitan dengan cerita yang baru diperdengarkan itu.

Rumusan Dapatan Kajian

Kajian ini dapati gangguan kerap berlaku dalam kalangan pelajar sindrom Asperger. Gangguan berbentuk persekitaran, peristiwa serta cerita dapat memberi peluang kepada pelajar untuk lebih aktif bersuara dan memberi pendapat serta memberi ruang kepada mereka untuk melayari pengetahuan yang sudah ada. Ini dapat memberi satu kesan yang positif kepada pelajar ini dalam menangani masalah tidak menumpukan perhatian yang lama di dalam satu –satu aktiviti yang diberikan kepada mereka. Melalui kajian ini, pelajar berasa agak tenang dan kelihatan di wajah mereka satu kepuasan di mana pendapat mereka didengari dan peluang diberi kepada mereka pada setiap masa. Kesemua pelajar yang terlibat di dalam kajian ini telah menampakkan satu perubahan yang positif di dalam kelas di mana mereka lebih menghormati rakan yang lain apabila rakan itu memberi pendapat. Mereka juga dilihat dapat menguasai bahasa yang dituturi dan mereka juga belajar untuk menunggu giliran di dalam memberi pendapat masing-masing.

Kesimpulan

Gangguan dalam perbualan kanak-kanak Asperger dapat dijadikan sebagai satu perkara yang positif di mana jika guru atau orang dewasa dapat membantu mereka dalam memahami akan objektif sesuatu aktiviti itu. Kanak-kanak ini mempunyai tahap kecerdikan yang berlainan dengan kanak-kanak normal. Mereka juga diberi masa yang lebih memandangkan mereka tidak dapat menumpukan perhatian yang lama di dalam satu-satu aktiviti. Kajian ini sedikit sebanyak dapat membantu guru di sekolah dalam memberi perhatian kepada kanak-kanak ini semasa mereka pendapat mereka. Layanan yang lebih diberikan kepada kanak-kanak ini di mana mereka akan dapat satu sesi pembelajaran yang positif. Dapatan kajian ini hampir sama dengan dapatan yang didapati oleh Buten (2004), Jamilah K.A. Mohamed (2005) dan Normaliza Abd Rahim et.al, (2008) di mana pelajar sindrom Asperger diberi pelbagai jenis aktiviti bagi tujuan pembelajaran dan mengikut tahap setiap individu serta gangguan akan berlaku di antara mereka dan orang dewasa. Kajian ini juga hampir sama dengan kajian oleh Grandin (1995) di mana kanak-kanak asperger akan seringkali mengalami gangguan semasa pembelajaran dan mereka mempunyai semangat yang tinggi dalam mempelajari sesuatu yang baharu dan diajar secara berulang. Adalah diharapkan ibu bapa, guru dan masyarakat dapat menerima kanak-kanak sindrom Asperger ini kerana bagi mereka proses pembelajaran adalah proses seumur hidup dan memerlukan sokongan dari semua pihak.

RUJUKAN

American Psychiatric Association. (1994). *Diagnostic criteria from DSM-III-R.* Washington D.C: American Psychiatric Association.

Buten, H. (2004). *Through the glass wall. A therapist's lifelong journey to reach the children of autism*. Nerw York : Bantam Books.

Frith, U. (2003). *Autism. Explaining the enigma*. 2nd ed. Carlton : Blackwell Publishing.

Grandin, T. (2006). *Thinking in pictures. My life with autism*. 2nd ed. New York: Vintage Books.

Hasnah Toran, Mohd Hanafi Mohd Yasin, Mohd Mokhtar Tahar dan Norani Salleh (2010) Tahap Latihan, Pengetahuan dan Keyakinan Gruru-guru Pendidikan Khas Tentang Autisme. Jurnal Pendidikan Malaysia 35(1)(2010): 19-26

Jamilah K.A. Mohamed (2005) Pendidikan Khas untuk kanak-kanak Istimewa. PTS Profesional Publishing

Normaliza Abd Rahim, Arbaie Sujud, Zaitul Azma Zainon Hamzah, Yazariah Yacub. (2008) Digital Pictures to Enhance Storytelling amongst Special Needs Children. *International Journal of the Humanities*, Vol 6. Issue 4. pp.1-8.

Normaliza Abd Rahim (2010) Penerapan Nilai Sosial dalam Kalangan Kanak-kanak sindrom Asperger. Bahasa Melayu dan Budaya. Teori dan Aplikasi. FBMK. UPM.

Vijayen Gopal (2003) Kemahiran Asas Sosial Kanak-Kanak Autisme Di Persekitaran Sekolah. **http://www.ipbl.edu.my/bm/penyelidikan/seminarpapers/2003/vijayenMPKenkk1.pdf. dibuka 2 febuari 2011**

Wing, L. (1976) (ed.). Early childhood austism: clinical, educational and social aspects. Oxford: Pergamond Press.

Williams, D. (1994). *Somebody somewhere. Breaking free from the world of autism*. New York: Times Books.

Williams, D. (1996). *Autism. An inside-out approach.* London : Jessica Kingsley Publishers.

Williams, D. (2004). *Everyday heaven. Journeys beyond the stereotypes of autism.*London: Jessica Kingsley Publishers.

Paradiz, V. (2002). *Elijah's cup. A family's journey into the community and culture of high functioning-autism and asperger's syndrom*. New York : The Free Press.

Trevarthen, C., Aitken, K., Ppoudi, D. & Robarts, J. (1998). Children with autisme: diagnosis and interventions to meet their needs. London: Jessica Kingley Publisher.

Zelan, K. (2003). *Between their world and ours. Breakthroughs with autistic children*. New York : St Martin's Press.